

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 24.06.2026 MASA: 9.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN NAIK TARAF KAWASAN LAPANG
TAMAN MUTIARA TERATAI
SEBERANG PERAI SELATAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 JUN 2026 (RABU)
3.20 PETANG**

**KAWASAN LAPANG TAMAN MUTIARA TERATAI
SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik

EXCO Perdagangan Dan Perpaduan Masyarakat

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha CA LAr. Shaqhrony Bin Md Yusoff @

Jamaludin

Pengarah Landskap Merangkap Penyelaras Program

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh bermakna ini dalam **Majlis Perasmian Naik Taraf Kawasan Lapang Taman Mutiara Teratai, Seberang Perai Selatan.**
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa untuk merasmikan majlis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada dif-dif jemputan, Ahli-Ahli Majlis, pemimpin komuniti, warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), seluruh komuniti setempat dan semua yang hadir pada petang ini.

Hadirin yang dihormati,

3. Projek Naik Taraf Kawasan Lapang Taman Mutiara Teratai ini mencerminkan komitmen berterusan MBSP dalam memperkukuh kualiti hidup rakyat melalui penyediaan kemudahan awam yang selesa, selamat dan berkualiti.

4. Kawasan lapang ini mempunyai keluasan kira-kira **3,000 meter persegi** dan berfungsi sebagai *green lung* kepada kawasan kejiranan sekitarnya termasuk Taman Intan Delima, Taman Mutiara Cempaka, Taman Crescentia Park dan Taman Dedaun Cassia.
5. Menyedari kepentingan kawasan ini kepada masyarakat setempat, MBSP telah melaksanakan projek naik taraf dengan kos keseluruhan sebanyak **RM176,006.83** bagi memastikan kemudahan awam yang lebih selesa, selamat dan berkualiti dapat dinikmati oleh penduduk.
6. Projek ini bukanlah semata-mata menggantikan kemudahan yang rosak, tetapi merupakan usaha menambah nilai kepada persekitaran komuniti melalui penyediaan ruang rekreasi yang lebih tersusun, moden, inklusif dan mesra pengguna.
7. Antara kemudahan yang telah disediakan termasuklah pembinaan laluan pejalan kaki, sistem saliran bawah tanah, pemasangan alat permainan kanak-kanak, kemudahan alat senaman, dataran kejat, bangku taman, tong sampah, papan tanda keselamatan serta kerja-kerja landskap yang menyeluruh.

Hadirin yang dihormati,

8. Apa yang lebih membanggakan, projek ini tidak dirancang secara *unilateral* oleh MBSP, sebaliknya dibentuk melalui penglibatan dan penyertaan aktif komuniti setempat melalui pendekatan ***Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB)***.

9. MBSP telah menjalankan kaji selidik bersama penduduk sekitar dan hasilnya menunjukkan sokongan yang amat positif terhadap cadangan menaik taraf kawasan ini. Malah, majoriti penduduk menyatakan persetujuan agar kawasan lapang ini ditambah baik bagi memenuhi keperluan rekreasi dan riadah harian komuniti.
10. Saya percaya, kejayaan sesebuah bandar tidak hanya diukur melalui bangunan yang tinggi atau infrastruktur yang moden, tetapi juga melalui keupayaannya menyediakan ruang yang menyatukan masyarakat dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.
11. Mungkin bagi sesetengah pihak, ini hanyalah sebuah taman rekreasi. Namun bagi saya, di sinilah anak-anak membesar dengan kenangan indah, warga emas memulakan rutin sihat mereka, keluarga meluangkan masa bersama, dan jiran-jiran membina hubungan yang lebih erat.
12. Sesungguhnya, kita tidak hanya membina sebuah taman, tetapi kita sedang membina sebuah komuniti; sebuah ruang yang akan menyimpan seribu satu kenangan, mengeratkan hubungan kejiiran dan mencorakkan kehidupan generasi masa hadapan.

Hadirin sekalian,

13. Projek ini juga selari dengan aspirasi **Penang2030**, iaitu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang berteraskan keluarga, hijau dan pintar serta memberi inspirasi kepada negara.

14. MBSP percaya bahawa pembangunan bandar masa hadapan perlu memberi penekanan kepada keseimbangan antara pembangunan fizikal, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar.
15. Harapan saya agar kemudahan yang disediakan ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh lapisan masyarakat sebagai ruang untuk beriadah, berinteraksi dan membudayakan gaya hidup sihat.
16. Saya juga berharap agar penduduk setempat terus menjadi rakan strategik MBSP dalam memelihara kemudahan ini. Kemudahan awam yang terbaik sekalipun tidak akan dapat bertahan tanpa rasa tanggungjawab bersama. Justeru, marilah kita sama-sama menjaga kebersihan, keselamatan dan kelestarian kawasan ini agar manfaatnya dapat dinikmati untuk tempoh yang panjang.
17. Sesungguhnya, apabila kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan komuniti bergerak seiring, kita bukan sahaja membangunkan sebuah kawasan, tetapi sedang membentuk masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang.
18. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik, warga kerja MBSP, Ahli-Ahli Majlis, pemimpin komuniti dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Marilah kita terus berganding bahu menjadikan Seberang Perai sebuah bandar yang bukan sahaja maju dari segi pembangunan, tetapi juga unggul dari segi kesejahteraan rakyat, kelestarian alam

sekitar dan perpaduan masyarakat, selaras dengan aspirasi
"Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan".

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***